SULII

- d. Menjadikan IKBN/ IKTBN institut pilihan dengan memperolehi lebih 80% pelajar berpuas hati terhadap mencadangkan IKBN sebagai institut pilihan kepada belia/ masyarakat.
- Selaras dengan Program Transformasi IKBN ini, pada 5 November 3. 2015 sebanyak 7 buah IKBN lagi telah dinaiktaraf menjadi IKTBN yang menjadikan keseluruhan IKTBN adalah 8 buah termasuk IKTBN Sepang (telah dinaiktaraf pada 10 Mac 1988). Penaik tarafan ini adalah bersifat holistik bukan sekadar pertukaran luaran dari aspek penjenamaan, malah merangkumi pengukuhan peranan IKTBN sebagai Resource Centre dari segi kurikulum, peraatan latihan, pengajaran dan pembelajaran.
- 4. IKBN akan memberi fokus kepada penawaran kursus kemahiran pada tahap sijil SKM 1 hingga 3, manakala IKTBN pula berperanan sebagai pusat kecemerlangan mengikut bidang tertentu yang akan melaksanakan kursus pada tahap diploma dan juga diploma lanjutan (SKM 4 hingga 5).

5. IKTBN akan berperanan sebagai :

- i. Menawarkan program tahap tinggi (Diploma/DKM/DLKM)
- ii. Bertindak sebagai *Resource Centre* (kurikulum, peralatan latihan, bank soalan dan *profiling* pengajar pakar)
- Menerbitkan penulisan dan bahan ilmiah/ jurnal latihan iii.

3

Lead agency untuk smart partnersip iv.

- 6. Secara umumnya, sebagai salah sebuah Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA), IKBN/ IKTBN adalah pelengkap kepada ILKA lain dengan penawaran kursus latihan kemahiran yang pengiktirafan standard oleh mendapat pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). IKBN /IKTBN kini sedang berusaha memastikan kurikulum latihan yang dibangunkan mendapat pengesahan dan semakan secara kerap oleh pihak industri. Inisiatif kerjasama industri yang lebih bersifat objektif dan boleh diukur diadakan bagi mencapai tujuan ini.
- 7. Pengambilan pelajar IKBN/ IKTBN dilakukan dua kali setahun iaitu pada bulan Januari dan Julai. Proses permohonan bagi pengambilan Januari adalah secara online di laman web KBS, manakala bagi pengambilan Julai, permohonan adalah melalaui UPU yang diselaraskan di oleh KPT.
- 8. Sepanjang pelajar menjalani latihan di IKBN/ IKTBN, pelajar ditaja sepenuhnya oleh KBS yang merangkumi makan minum, pakaian latihan, penginapan dan juga Elaun Saku. IKBN/ IKTBN juga akan memastikan pelajar mengikuti latihan yang bermakna dengan bantuan industri dalam mendapat penempatan Latihan Praktikal (OJT) serta peluang pekerjaan selepas tamat latihan.

4

SULIT

9. Pencapaian pelajar dari aspek kebolehpasaran adalah 90.3% mengikut soal selidik tahun 2015 dan ramai lepasan pelajar IKBN/ IKTBN yang telah berjaya dalam kerjaya masing sama ada dengan menyandang jawatan tinggi atau memperolehi pendapatan tinggi kerana kemahiran yang dimiliki. Kementerian ini percaya bahawa IKBN/ IKTBN menyediakan laluan alternatif untuk mencapai kejayaan (alternative path to success) kepada belia yang tidak berpeluang atau memilih untuk tidak memasuki universiti serta mahu meneroka bidang kerjaya berasakan kemahiran.

Sekian, terima kasih.